

2 pelajar UiTM maut kereta langgar lori

Tiga sahabat mangsa hanya cedera ringan, pemandu ditahan

Oleh Rasheffa Abdul Rashid

BATU GAJAH: Dua penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Seri Iskandar dekat sini terbunuh, manakala tiga rakan mereka cedera selepas kereta dinaiki mereka bertembung sebuah lori di Kilometer 27 Jalan Ipoh-Lumut di sini, malam kelmarin.

Pemandu kereta, Mohd Azam Bidin, 19 dan rakannya, Mohd Nizar Abu Zarin, 19, mati di tempat kejadian.

Dalam kejadian jam 10.55 malam, berhampiran pekan Tronoh itu, kereta Perodua Kelisa dinaiki mangsa bertembung dengan lori yang dikatakan memotong kenderaan lain dan

memasuki laluan bertentangan.

Mohd Azam berasal dari Kemaman, Terengganu, manakala Mohd Nizar dari Setapak Permai, Kuala Lumpur, mati akibat kecederaan serius di kepala.

Tiga lagi rakan mangsa, Azuan Ahmad, Hamzah Mohd Nor dan Mohd Farhan Jaafar semuanya berusia 19 tahun cedera ringan dan dibenarkan pulang selepas diberi rawatan.

Azuan berasal dari Felda Jengka 12, Muadzam Shah, Pahang, cedera di kepala dan dihantar ke Hospital Ipoh; Hamzah dan Mohd Farhan masing-masing dari Labis, Johor dan Putrajaya cedera di kaki dan tangan diberi rawatan pesakit luar di Hos-

pital Batu Gajah.

Pemangku Ketua Polis Daerah Batu Gajah, Superintendan Jaafar Mohd Yusof, berkata semua mangsa adalah pelajar tahun tiga kursus Diploma Ukur Bahan universiti itu dan ketika kejadian mereka dalam perjalanan pulang ke kampus selepas membeli-belah di Ipoh.

"Mohd Nizar duduk di belakang tempat pemandu (Mohd Azam) dan lori terbabit merempuh kuat sebelah kanan kereta mengakibatkan kedua-duanya terbunuh.

"Kereta dipandu Mohd Azam dipercayai dipinjam untuk membeli barang keperluan di Ipoh dan berkeungkinan dipandu laju kerana hen-

dak pulang cepat ke kampus," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, polis terpaksa mendapatkan bantuan Pasukan Bomba dan Penyelamat untuk mengeluarkan mayat kedua-dua mangsa tersepit di dalam kereta itu.

Sementara itu, Jaafar berkata, pemandu lori berusia 32 tahun ditahan polis sebaik dia membuat laporan dan dibebaskan dengan jaminan polis selepas kenyataannya diambil.

Katanya, siasatan awal mendapati, pemandu terbabit dikatakan cuba memotong sebuah motosikal tetapi gagal mengawal kenderaan lalu bertembung dengan kereta dipandu Azam.